



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KEMBARA BATANG LUPAR KPWKM 2017 TINJAU HASIL INISIATIF KEMENTERIAN KEPADA RAKYAT

KUCHING, 20 OKTOBER – Seramai 40 pengamal media dari Kuala Lumpur dan Kuching mengikuti program Kembara Batang Lupar KPWKM 2017 bermula hari ini sehingga 22 Oktober 2017 meliputi kawasan Parlimen P.201 Batang Lupar, Sarawak.

Berkonsepkan dokumentasi, santai dan *travelogue*, program anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Parlimen Batang Lupar ini bakal memberi pendedahan secara langsung kepada peserta mengenai inisiatif dan pelaksanaan program yang telah dijalankan oleh Kementerian dan Agensi kepada penduduk setempat serta kumpulan sasar Kementerian. Di samping itu, peserta turut berpeluang merakam pengalaman mereka berada di beberapa lokasi menarik sepanjang kembara untuk penerbitan artikel dan dokumentari.

YAB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang melepaskan peserta kembara berkata, “program seperti ini amat dialu-alukan terutamanya di Sarawak yang membawa pengamal media untuk lebih mengenali kawasan luar bandar serta menyaksikan sendiri pembangunan yang dibawakan oleh Kerajaan kepada penduduk setempat di samping mendekati masyarakat dengan program-program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ia memberi gambaran jelas bahawa Kementerian sentiasa memastikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dapat dicapai”.

Menurut Menterinya, YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim,” selain menjadi platform paling berkesan kepada KPWKM untuk mengetengahkan hasil usaha Kementerian yang telah

dijalankan di Parlimen Batang Lupa, ia turut memberi peluang kepada Kerajaan Negeri mempromosikan lokasi pelancongan yang jarang dilawati. Penganjuran program ini turut dapat menjelaskan isu-isu berkaitan Kementerian kepada media bagi memastikan penyaluran maklumat yang tepat serta memperkukuhkan jaringan komunikasi strategik”.

Sepanjang kembara, peserta bakal dilibatkan dalam aktiviti kemasyarakatan antaranya gotong-royong bersama peserta Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mengenali usaha memperkasa wanita bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), lawatan ke Kompleks Penyayang Sri Aman dan beberapa institusi di bawah seliaan Kementerian.

Peserta turut berpeluang merasai pengalaman menarik di lokasi pelancongan yang terdapat di Batang Lupa antaranya Taman Negara Maludam, Kubu Alice di Sri Aman di samping menghayati kehidupan penduduk setempat dengan menginap di rumah panjang Belimbing Besi dan Kampung Kalok.

Konvoi kembara dengan 10 buah kereta peserta dilepaskan oleh YAB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak sambil disaksikan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim dan pegawai-pegawai kanan KPWKM di perkarangan Hotel Pullman, Kuching.